

07/09/1999

PM bidas ulama menghasut

Shariffudin Mohamed; Sariha Mohd Ali

KUANTAN, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan khutbah Jumaat di sebuah masjid di Selangor baru-baru ini yang mendakwa bilangan gereja lebih banyak daripada masjid di Melaka adalah satu pembohongan amat besar dan sengaja dilakukan bagi menimbulkan kemarahan umat Islam terhadap bukan Islam.

Perdana Menteri berkata, ini sudah tentu boleh menimbulkan kemarahan di kalangan orang Islam kerana kononnya kerajaan tidak menitikberatkan keperluan agama Islam.

Pada masa sama, katanya, orang Kristian akan berasa terancam kerana ternampak seolah-olah orang Islam membenci orang Kristian dan mahu bermusuh dengan mereka.

"Jika perkara itu dibesar-besarkan, sudah tentu ada rusuhan di antara orang Islam dan Kristian yang tidak seberapa banyak di negara ini.

"Kalaulah macam ini ulama yang kita ada, percayalah kita akan rosak dan akan berlaku rusuhan di negara kita. Orang ini tidak akan bertanggungjawab jika rusuhan berlaku.

"Sebenarnya, dakwaan itu dibuat bagi menimbulkan kebencian terhadap kerajaan. Ada orang sanggup menyampaikan khutbah yang mengandungi pembohongan yang amat besar dan tidak sama sekali menghormati masjid atau jemaah masjid," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perjumpaan dengan pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) Pahang di Dewan Konvensyen, di sini, petang ini.

Turut hadir isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Penerangan, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob; Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak; Menteri Besar, Datuk Adnan Yaakob; bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghafar Baba dan Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek.

Dr Mahathir berkata, beliau menghormati ulama tetapi tidak boleh menerima siapa saja yang mendakwa diri mereka ulama.

"Ini kerana ada di antara mereka penipu, terutama ketika menjelang pilihan raya. Apa saja mereka boleh buat untuk memancing undi, termasuk mendakwa tuhan mencarut," katanya.

Beliau turut mendakwa Pas cuba menimbulkan kebencian terhadap kerajaan dan Umno dengan harapan dengan kerana benci, mereka mengharap sokongan orang ramai.

Sebab itulah, kata Perdana Menteri, penyokong Pas cuba membangkitkan kebencian terhadap Kerajaan Melaka dan Kerajaan Barisan Nasional (BN) dengan mendakwa kononnya di negeri itu lebih banyak gereja berbanding masjid.

"BN dan Umno tidak bergantung kepada kebencian terhadap sesiapa untuk mendapat sokongan. Kita tidak benci kepada Pas tetapi kita berasa sedih kerana ahli dan penyokong parti pembangkang itu sudah diselewengkan dan disesatkan oleh pemimpin mereka.

"Oleh itu, kita berasa bertanggungjawab untuk menarik mereka yang terseleweng ke jalan benar, Ini sikap Umno yang berbeza dengan sikap Pas," katanya.

Perdana Menteri berkata, Umno suka melihat orang Islam bersatu dan hubungan orang Islam dan bukan Islam sentiasa padu.

"Kita sukakan kepada keamanan dan ketenteraman tetapi Pas lain, mereka lebih suka kepada permusuhan sesama orang Islam dan di antara Islam dan

bukan Islam," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau dikenali sebagai Mahafiraun dan Mahazalim oleh Pas bagi menimbulkan kebencian rakyat terhadapnya dalam usaha memancing undi.

"Itu strategi Pas. Benci kepada dia (Dr Mahathir) dan undilah aku (Pas). Apa aku (Pas) boleh buat (untuk rakyat), tidak kira," katanya.

Sambil menegaskan Umno tidak begitu, Perdana Menteri berkata, Umno tidak suruh orang ramai membenci Pas.

"Kita hendak terang kepada Pas supaya mereka faham benar-benar mengenai ajaran Islam dan apa yang diajar kepada mereka bukan semuanya berasaskan kepada ajaran Islam," katanya.

Oleh itu, kata beliau, bukan berasas kepada ajaran Islam perlu ditolak dan jika orang Pas masih berbohong, rakyat tidak harus menyokong orang berkenaan.

"Kalau tak mahu sokong Umno tidak apa, tak mahu sokongan BN tak apa, tapi jangan sokong penipu," katanya.

(END)